

15/07/2002

PM, isteri meriahkan fiesta makanan

DATIN Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyuapkan kuay teow yang digorengnya ke mulut suami tersayang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Fiesta Makanan dan Buah-buahan sempena Program Citrawarna Malaysia di Pusat Pelancongan Malaysia di Kuala Lumpur, malam tadi.

Perdana Menteri dan isteri turut menyaksikan rekod baru dicipta dalam Malaysia Book of Records apabila 72 tukang masak dari Persatuan Tukang Masak Malaysia berjaya menggoreng kuay teow selama 50 jam tanpa henti sejak malam Ahad lalu.

Ketibaan mereka disambut Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohamad Taufek; Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid dan pemilik Saloma Bistro, Datuk Syed Yusof Tun Syed Nasir.

Terdahulu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah menyaksikan persembahan Orkestra Alaoui dari Casablanca yang mendendangkan irama Andalusia yang mana kumpulan pemuzik dan penyanyi itu dibawa khas dari Maghribi sempena lawatan pelancong negara Arab ke Malaysia sepanjang Jun hingga Ogos ini.